

20 MAY 2003

AIDS-Islam (Bergambar)/I

PERWAKILAN KELUAR DEWAN BANTAH "SERANGAN KE ATAS ISLAM"

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Satu persidangan antarabangsa di sini mengenai pendekatan Islam dalam memerangi epidemik HIV/AIDS, tercemar apabila beberapa perwakilan meninggalkan majlis sebagai bantahan terhadap pembentangan kertas kerja oleh seorang ahli akademik dari Amerika Syarikat yang secara terbuka menyerang Islam.

Lebih 20 perwakilan yang kebanyakannya dari Afrika, Malaysia dan United Kingdom dengan perasaan marah meninggalkan dewan persidangan di Hotel Istana selepas tidak dibenarkan oleh pengerusi sesi itu untuk menghujahkan pendapat Dr Amina Wadud, seorang profesor madya kajian Islam di Universiti Komanwel di Virginia.

Semasa Dr Amina membentangkan kertas kerjanya, beberapa perwakilan bangkit dan meminta dibenarkan berhujah mengenai apa yang mereka sifatkan sebagai kata-kata kufur terhadap Islam tetapi Dr Ismail Baba, pengerusi Perkhidmatan Aids Pulau Pinang yang mempengerusikan sesi itu, menegaskan bahawa format sesi terbabit tidak membenarkan sebarang respons daripada perwakilan.

Mereka kemudiannya meninggalkan dewan dan berkumpul di sebuah bilik lain dan kemudiannya mengeluarkan satu kenyataan media menggesa penganjur persidangan berkenaan menyingkirkan Dr Amina daripada persidangan dan memadamkan kertas kerjanya daripada rekod Perundingan Kepimpinan Islam Antarabangsa mengenai HIV/AIDS.

Persidangan itu yang bermula semalam, dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Majlis AIDS Malaysia (MAM).

Penasihat Antarabangsa Islam mengenai AIDS, Wanita dan Jantina di Kenya, Nazlin Omar Fazaldin Rajput yang mewakili kumpulan itu berkata kertas kerja Dr Amina tidak sahaja memaparkan bahawa Islam gagal menangani AIDS, malah menindas wanita selain wanita adalah objek seks dan alat untuk memuaskan nafsu lelaki.

Dalam kertas kerja itu, Dr Amina bercakap mengenai cara Islam dan umat Islam sendiri memburukkan lagi penyebaran AIDS dan tindakan teologi tradisi Islam "sama sekali tidak boleh menyembuhkan AIDS".

"Beliau mendakwa bukan sahaja Islam tidak mempunyai respons positif terhadap HIV/AIDS, malah ia meningkatkan penyebarannya," kata Nazlin.

Nazlin berkata Dr Amina telah tersalah mentafsirkan ayat Al-Quran dan secara sengaja menyalahgunakan persidangan itu untuk menyerang dan menghina Islam dan Al-Quran.

"Serangan kejam dan berbisa terhadap Islam itu tidak berasas. Oleh itu beliau juga telah menghina dan menyalahguna kepercayaan dan para pemimpin Islam di seluruh dunia," katanya dalam kenyataan yang ditandatangani oleh sembilan perwakilan bagi pihak yang lain, termasuk Ketua Kadi Kenya, Sheikh Hammad Kassim, Dr Musa Nordin dari Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMA) dan Dr Abdl Majid El Katme dari IMA United Kingdom.

Dr Abdl Majid berkata penganjur juga tidak bertanggungjawab kerana membenarkan kertas kerja Dr Amina dibentangkan pada persidangan yang berlangsung di negara Islam seperti Malaysia.

Menjawab soalan, Nazlin Omar berkata kumpulan itu tidak akan memulau persidangan tersebut, walaupun Dr Amina tidak disingkirkan kerana ia merupakan forum yang penting bagi mencari kaedah menyuntik dimensi Islam dalam memerangi penyakit yang membunuh berjuta-juta orang setahun, kebanyakannya di negara Afrika.

"Jika kami lakukannya, kami hanya mengikut telunjuk dia (Dr Amina) yang

mahu "merampas" persidangan penting ini," katanya.

Dr Amina yang ditemui pemberita kemudian, berkata beliau berpegang teguh kepada pendapatnya dan berkata peristiwa meninggalkan dewan itu sebagai "malang" dan menunjukkan ada orang yang enggan menerima pandangan yang berbeza.

"Saya masih dalam proses mempelajari Islam dan bersedia belajar daripada mereka. Kertas kerja saya hanya menyatakan pendapat yang berbeza daripada orang lain," katanya.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir yang juga pengerusi jawatankuasa penasihat antarabangsa persidangan tersebut memberitahu pemberita, panel yang mengadakan mesyuarat tergepar bagi membincangkan kejadian perwakilan meninggalkan majlis itu memutuskan tidak akan menyingkirkan Dr Amina.

Beliau berkata tiada keputusan dibuat sama ada kertas kerja Dr Amina akan dipadamkan daripada rekod persidangan dan berkata perbincangan mengenainya masih berjalan.

"Tindakan perwakilan meninggalkan dewan dikesali. Objektif persidangan adalah untuk memberi ruang kepada pendapat berbeza. Sudah pasti kita tidak menjangkakan dapat mencapai persetujuan mengenai sesuatu isu seperti AIDS ini dan kami berhujah mengenai Pendapat yang berbeza, umat Islam di mana-mana sahaja mati akibat AIDS," katanya.

Marina berkata ekoran kontroversi itu, penganjur memutuskan untuk membenarkan perwakilan berhujah mengenai perkara yang dibangkitkan oleh pembentang kertas kerja selepas ini sehingga selesai persidangan.

"Pengerusi tidak harus dipersalahkan kerana tidak membenarkan perwakilan memberikan responds kerana beliau mengikut format bagi menjimatkan masa," katanya.

Marina berkata sesi khas selama sejam akan diadakan pagi esok untuk membolehkan perwakilan memberi respons terhadap kertas kerja Dr Amina supaya tidak menjejaskan perjalanan persidangan terbabit.

-- BERNAMA

AU AU LAT